



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

23 Apr 2021
11 Ramadhan 1442h

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Jual udang galah RM1 seekor masih untung
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• Rekalibrasi PATI untuk subsektor perkhidmatan• Elak sektor kritikal alami kerugian besar• Kapal induk tunggu di luar perairan• Maritim Malaysia selamatkan RM1.75b hasil laut
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• “Mana ada exco turun ke laut jam 3 pagi?”
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Jual udang galah RM1 seekor masih untung

GEORGETOWN: Bekas pekerja kilang tidak menyangka keputusannya menjual udang galah pada harga serendah RM1 seekor di gerai bazar Ramadan Ocean View, Jelutong di sini sejak awal Ramadan minggu lalu mampu meraih keuntungan ekoran sambutan menggalakkan.

Mohd. Khairul Azhar, 29, berkata, dia mengambil peluang menjual hasil laut yang diperoleh dari Perak itu di gerai dan penggemar udang galah di kawasan perumahan berkenaan.

"Saya akan membeli kira-kira 50 kilogram udang galah daripada pembekal setiap kali stok hampir habis. Bekalan ini biasanya diambil untuk tempoh setiap dua hari bagi tujuan mengekalkan kesegarannya.

"Alhamdulillah, hasil jualan ini terjual dalam masa dua hari, katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.



MOHD. Khairul Azhar, 29, di Jelutong, Pulau Pinang mendapat sambutan orang ramai dan kerana harganya yang murah.

Mohd. Khairul yang berasal dari Kuala Krai, Kelantan memberitahu, saiz udang yang dijual semuanya tidak sama dan harga

untuk setengah kilogram udang dijual pada harga RM20. Pelanggan akan dapat lebih dari 20 ekor.

JENIS AKHBAR

<i>UTUSAN MALAYSIA</i>		<i>KOSMO !</i>		<i>THE STAR</i>		<i>NANYANG SIANG PAU</i>		MUKA SURAT 1	TARIKH 23/04/2021
<i>BERITA HARIAN</i>	/	<i>SINAR HARIAN</i>		<i>THE SUN</i>		<i>ORIENTAL DAILY</i>			
<i>HARIAN METRO</i>		<i>NEW STRAITS TIMES</i>		<i>THE MALAY MAIL</i>		<i>PELBAGAI</i>			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

Rekalibrasi PATI untuk subsektor perkhidmatan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan bersetuju membuka Program Rekalibrasi Tenaga Kerja untuk pendatang asing tanpa izin (PATI) yang ada di negara ini kepada majikan dalam subsektor perkhidmatan, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hamzah Zainudin.

Subsektor perkhidmatan terbabit ialah restoran, kargo, borong dan runcit, serta pembersihan dan pencucian, katanya.

Hamzah berkata, kerajaan juga memutuskan untuk melanjutkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) selama setahun bagi pekerja asing sedia ada dalam sektor perladangan.

Katanya, perlanjutan itu hanya diberi kepada pemegang PLKS yang hampir tamat tempoh bagi tahun ke-13 dengan kadar levi tahun akhir.

Keputusan itu dicapai dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersama antara Hamzah dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan mengenai pengurusan pekerja asing kali ke-5, Bil. 1/2021 di sini, semalam.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			6	23/04/2021
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL				

Elak sektor kritikal alami kerugian besar

Dari Muka 1

"Keputusan ini dibuat bagi membantu kerajaan memulihkan kembali ekonomi negara dengan segera dan bagi mengelakkan sektor kritikal seperti pembinaan, pembuatan, perladangan dan perkhidmatan mengalami kerugian besar akibat masalah kekurangan tenaga kerja," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat itu bersama Saravanan.

Turut hadir Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said dan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim.

Jawatankuasa itu juga bersejua untuk memperluaskan syarat kelayakan penyertaan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja kepada pekerja asing tanpa izin yang tergolong dalam kategori PATI yang mendaftar dalam Program Rehiring tetapi tidak melengkapkan proses permoho-

nan, PATI yang lari tetapi tidak dilaporkan majikan dan PATI yang tiada dokumen perjalanan negara asal yang sah.

Kerajaan sebelum ini melancarkan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja bagi menjadikan PATI yang ada di negara ini sebagai pekerja asing yang sah, digajikan oleh majikan yang layak, tertakluk kepada syarat ketat yang diputuskan oleh kerajaan melalui Jabatan Imigresen dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

Sebelum ini, hanya majikan dalam empat sektor yang bersifat 3D iaitu *dangerous, difficult dan dirty* (kotor, bahaya dan sukar) dibenarkan mengambil PATI sebagai pekerja.

Mengulas lanjut, Hamzah berkata, perlanjutan PLKS dalam sektor perladangan adalah penting kerana bidang itu dikesan mengalami kerugian besar iaitu mencecah RM10 bilion disebabkan ketiadaan pekerja akibat

pandemik COVID-19.

"Kita beri perlanjutan ini kepada sektor perladangan berdasarkan naratif yang berbeza memandangkan sektor ini memainkan peranan penting terhadap ekonomi negara dan kita tidak mahu lagi menampung kerugian besar.

"Sektor perladangan difahamkan mengalami kerugian mencecah RM10 bilion kerana ketiadaan pekerja seperti penuai (pengutip buah sawit) dan dise-

RM10 bilion

nilai kerugian dialami sektor perladangan akibat pandemik COVID-19

babkan itulah, keperluan bagi kerajaan melanjutkan tempoh PLKS ini," katanya.

Beliau berkata, pekerja asing sektor perladangan mempunyai tempoh setahun lagi untuk memperbaharui PLKS dari tempoh akhir pas itu tamat.

"Jika pas mereka tamat bulan Mei ini, PLKS mereka dilanjutkan setahun lagi dari tempoh itu. Begitu juga yang hampir tamat ketika ini," katanya.

Hamzah berkata, langkah itu turut dilakukan memandangkan ramai pekerja asing di sektor perladangan akan tamat tempoh tidak lama lagi dan ia akan memberi kesan besar kepada ekonomi negara sekiranya pekerja asing itu pulang ke negara mereka.

Katanya, kerajaan juga akan memberikan moratorium sehingga 31 Disember ini kepada warga asing yang bekerja di atas vesel penangkapan ikan tempatan untuk memperoleh PLKS jangka pendek.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

Pencerobohan nelayan asing Kapal induk tunggu di luar perairan

Bot penceroboh masuk curi 'hasil negara'

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak menolak kemungkinan masih berakunya aktiviti pemindahan ikan oleh nelayan asing kepada bot induk selepas penceroboh menangkap di perairan negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata bot induk nelayan asing akan menunggu di luar perairan Malaysia bagi pemindahan hasil, sebelum bot penceroboh kembali ke perairan negara bagi meneruskan kegiatan haram mereka.

Beliau berkata, modus operandi itu membolehkan bot yang penceroboh berada lebih lama di perairan negara tanpa perlu kembali ke negara asal selepas pemindahan hasil laut, mengisi minyak serta pertukaran awak-awak di kapal induk. Katanya, menyedari kegiatan

itu kementeriaannya melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan agensi penguatkuasaan lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) meningkatkan pemantauan bagi memastikan hasil laut negara tidak sewenang-wenangnya 'dicuri' nelayan asing.

"Kita tidak membenarkan bot tempatan ke luar negara atau memindahkan hasil tangkapan ke kapal asing di laut. Hasil ikan hanya boleh didaratkan di pangkalan dalam negara.

"Menjual ikan di laut adalah satu kesalahan dan sekiranya nelayan memindahkan hasil di tengah laut, besar kemungkinan aktiviti dilakukan di luar perairan Malaysia bagi mengelak ditangkap.

"Pemantauan giat dilaksanakan dan tindakan undang-undang akan diambil sekiranya nelayan tempatan melakukan aktiviti ini," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan negara dianggarkan mengalami kerugian sumber hidupan laut bernilai sehingga RM4.25 bilion setahun akibat pencerobohan nelayan asing.

Pada masa sama, Ronald berkata, tindakan tidak bertanggungjawab itu boleh mengakibatkan kerugian kepada negara khususnya apabila pendaratan hasil tangkapan laut berkurangan sekali gus meningkatkan harga bahan itu di pasaran tempatan.

Beliau berkata, Malaysia sudah lama menghentikan dasar membenarkan nelayan tempatan menyewakan bot untuk menangkap ikan di negara luar selepas nelayan asing yang menggunakan kemudahan itu mendaratkan hasil di negara asal serta mengklon bot.

"Kita sememangnya memandang serius perkara ini dan memperketatkan pemantauan. Sekiranya mana-mana nelayan ingin mengeksport ikan, ikan hendaklah di daratkan terlebih dahulu di dalam negara dan mematuhi semua prosedur eksport yang ditetapkan kerajaan," katanya.

Sementara itu, mengulas lebih lanjut mengenai pencerobohan nelayan asing, Ronald berkata, ia adalah isu nasional yang perlu ditangani secara bersepadu oleh pelbagai agensi.

Beliau berkata, ada dua jawatankuasa ditubuhkan bagi menangani isu terbabit iaitu Jawatankuasa Penguatkuasaan Secara Bersepadu yang diurus setia oleh Maritim Malaysia dan Jawatankuasa Dasar/Perundangan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

"Susulan penubuhan Jawatankuasa Penguatkuasaan secara bersepadu, Op Naga fasa satu de-

ngan pembabitan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Maritim Malaysia, Pasukan Polis Maritim (PPM) dan Jabatan Perikanan (DOF) bagi pelaksanaan operasi di laut diaktifkan.

"Seterusnya, Op Naga Barat diaktifkan di Pantai Timur Semenanjung dan Op Naga Timur pula diaktifkan bagi menangani pencerobohan kapal penangkapan ikan asing di perairan Malaysia Timur," katanya.

Beliau berkata, negara berdepan cabaran dalam mengekang aktiviti ini termasuk menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 (Pindaan 2019) kerana perairan yang luas.

Katanya, laut Malaysia yang masih kaya dengan sumber perikanan menjadi punca nelayan asing sanggup memperjudikan nasib dengan menceroboh perairan negara kita.

"Selain itu, Zon Ekonomi Eksklusif negara seluas 380,000 kilometer juga antara cabaran kita.

"Namun langkah pemuliharaan sumber perikanan seperti pelesenan dan pengezonan kapal dan kawasan menangkap ikan dilaksanakan kerajaan memastikan laut negara kekal mampan dengan sumber perikanan," katanya.

“Kita tidak membenarkan bot tempatan ke luar negara atau memindahkan hasil tangkapan ke kapal asing di laut. Hasil ikan hanya boleh didaratkan di pangkalan dalam negara”

Ronald Kiandee,
Menteri Pertanian dan Industri Makanan



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

Maritim Malaysia selamatkan RM1.75b hasil laut

Putrajaya: Kira-kira RM1.75 bilion hasil perikanan negara berjaya diselamatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) hasil tangkapan bot nelayan asing dan operasi pengusiran sepanjang tahun lalu hingga 31 Mac tahun ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mohd Zubil Mat Som, berkata sepanjang tempoh itu, Maritim Malaysia menahan 165 bot nelayan asing, sekali gus menyelamatkan RM638 juta nilai hasil perikanan negara.

Beliau berkata, melalui operasi pengusiran bot nelayan yang dilaksanakan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sebanyak 661 bot nelayan asing diusir dari perairan Malaysia, sekali gus menyelamatkan RM1.2 bilion anggaran hasil perikanan negara.

"Hasil tangkapan 165 bot itu termasuk 89 bot nelayan asing bersama 861 anak-awak nelayan Vietnam yang ditahan melalui Op Kuda Laut dengan anggaran nilai rampasan bot yang disita ialah sebanyak RM133.5 juta.

"Jumlah rampasan itu diperoleh dalam Op Kuda Laut yang dilancarkan sejak 24 Jun tahun lalu hingga 31 Mac tahun

ini," katanya.

Beliau mengulas laporan *BH* bahawa Malaysia dianggarkan mengalami kerugian sumber hidupan laut yang bernilai sehingga RM4.25 bilion setahun akibat pencerobohan nelayan asing ke perairan negara.

Mohd Zubil berkata, berdasarkan tangkapan setakat 31 Mac lalu, Maritim Malaysia turut menahan tujuh kapal yang dipercayai menjadi kapal induk untuk membekalkan minyak, makanan dan logistik kepada bot nelayan asing.

"Kapal induk ini ada banyak jenis, termasuk *tanker* yang membawa minyak atau seakan-akan bot nelayan bersaiz besar. Adanya bot induk ini, nelayan asing boleh mendaratkan ikan di situ tanpa pulang ke negara asal.

"Kapal induk ini selalunya akan 'main' di perairan sempadan dan sukar untuk ditahan ketika sedang melakukan kesa-lahan iaitu ketika memindahkan minyak atau ikan.

"Namun kita berjaya menahan tujuh kapal induk ini yang ditangkap ketika aset kami 'terbang' dan adanya kes untuk membuat pertuduhan terhadap

mereka," katanya kepada *BH*, di sini.

Pada masa sama, Mohd Zubil berkata, anggaran nilai kerugian sumber hidupan laut negara menunjukkan penurunan daripada RM6 bilion pada 2018 kepada RM4.25 bilion pada 2019 di mana hasil sebanyak RM1.75 bilion 'diselamatkan' selaras dengan usaha dan keberkesanan pelbagai operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan.

Beliau berkata, dalam tempoh pada 18 Mac hingga 24 Jun 2020 iaitu sepanjang tempoh PKP, Maritim Malaysia tetap meneruskan operasi dan mengusir 661 bot nelayan asing membabitkan 3,696 kru warga asing keluar

dari perairan Malaysia.

"Kita kesan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), banyak bot nelayan asing mengambil kesempatan memasuki perairan negara untuk menangkap ikan kerana mereka tahu kita tak boleh tahan sebaliknya hanya mengusir mereka," katanya.

Mohd Zubil berkata, Maritim Malaysia akan terus memperkasakan keupayaan aset dalam mengurangkan 'trend' pencerobohan selaras dengan Pelan Strategik Pembangunan Maritim Malaysia 2040.

Katanya, Maritim Malaysia akan menerima tiga buah kapal *Offshore Patrol Vessel* (OPV) hu-

jung tahun ini selain dalam proses perolehan *Multi-Purpose Mission Ship* (MPMS) yang baharu sahaja diluluskan perolehannya oleh kerajaan baru-baru ini.

"Dengan adanya perolehan aset baharu ini, keupayaan Maritim Malaysia akan terus dipertingkatkan dalam menguatkuasakan undang-undang di Zon Maritim Malaysia.

"Kita juga melancarkan pelbagai operasi dalam menangani dan membanteras pencerobohan bot nelayan asing di mana sejak kami ditubuhkan pada 2006 hingga 31 Mac lalu, sebanyak 1,469 bot nelayan asing membabitkan 12,636 kru warga asing ditahan untuk proses pendakwaan dan hukuman.

"Berdasarkan jumlah tangkapan itu, anggaran nilai bot yang berjaya disita bagi semua bot nelayan asing berjumlah RM2.2 bilion.

"Daripada keseluruhan bot yang ditahan, sebanyak 570 dilucutkan hak oleh mahkamah dan ditenggelamkan sebagai tucun tiruan bagi melestarikan pembiakan ikan dan hidupan marin di perairan negara," katanya.

"Kapal induk ini ada banyak jenis, termasuk *tanker* yang membawa minyak atau seakan-akan bot nelayan bersaiz besar. Adanya bot induk ini, nelayan asing boleh mendaratkan ikan di situ tanpa pulang ke negara asal."

Mohd Zubil Mat Som,
Ketua Pengarah Maritim Malaysia



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			22	23/04/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL					

'Mana ada exco turun ke laut jam 3 pagi?'

Masjid Tanah: Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee menegaskan beliau tidak menyokong projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) bernilai RM15 bilion di Kuala Linggi.

Norhizam mendakwa pengurusan Tag Marine Sdn Bhd iaitu pemaju cadangan projek KLIP, tidak pernah mengadakan perjumpaan dengannya bagi membincangkan nasib nelayan yang bakal terjejas akibat projek itu.

"Mana ada exco yang turun ke laut jam 3 pagi kecuali saya? Saya buat kerja bantu nelayan dapatkan lesen menangkap ikan dan bermacam-macam lagi.

"Sampai sekarang, pengurusan Tag Marine tidak pernah ingin berjumpa saya untuk bincang nasib nelayan dan kalau dia hendak jumpa, sudah tentulah saya bawa Pengarah Jabatan Perikanan dan Pengarah LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) sekali," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis ramah mesra Ahli Parlimen Masjid Tanah Datuk Mas Ermeyati Samsudin dengan 209 ahli Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat (PNKMB) di Kuala Sungai Baru di sini, semalam.

Norhizam bagaimanapun berkata, tindakannya itu bukan bermakna beliau dengan sengaja enggan membantu nelayan

projek berkenaan, sebaliknya ingin memastikan nasib nelayan dibela.

"Kita harus mengambil kira nelayan yang ada lesen menangkap ikan dan juga mereka yang tidak ada lesen, saya anggap Tag Marine tidak mahu bincang dengan saya," katanya.

Fasa I cadangan projek KLIP membabitkan kerja menambak laut bagi membina pulau seluas 248 hektar yang terletak kira-kira 500 meter dari tanah besar.

Ia akan dimulakan sebaik Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) diluluskan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Pengarah Projek Maritim Linggi Base Sdn Bhd (LBSB) Komander (B) Ramli Johari dilaporkan berkata, sebaik sahaja EIA diluluskan dan kerajaan negeri memberi kelulusan untuk memasuki tapak pembinaan, projek itu akan dimulakan pada suku kedua tahun ini.

KLIP bukan untuk memenuhi permintaan pelabuhan kapal dagang, sebaliknya hab antarabangsa perindustrian minyak dan gas bersepadu, perkhidmatan pelabuhan dan perkilangan serta industri maritim yang bakal memberi impak besar kepada ekonomi negeri dan Malaysia.



NORHIZAM